

24 APR 1997

MAHATHIR: TIDAK TAHU MENAHU TENTANG ROMBAKAN KABINET

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal khabar-khabar angin tentang rombakan Kabinet dan perubahan pada pengurusan Bank Negara.

"Saya tidak tahu langsung tentang rombakan Kabinet," kata Dr Mahathir apabila diminta mengulas desas desus itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Nasional (NITC) di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Terdapat juga khabar-khabar angin tentang perubahan pada pengurusan tertinggi Bank Negara selepas pasaran saham menjunam berikutan langkah bank pusat itu mengenakan had ke atas pinjaman bagi tujuan pembelian saham dan harta.

Setengah pihak mengaitkan kejatuhan harga di Bursa Saham Kuala Lumpur kepada had pinjaman berikutan pengumuman garis panduan Bank Negara awal bulan ini.

"Bagaimanapun, berhubung pasaran saham, rakan sekerja saya akan menjawabnya. Beliau yang bertanggung jawab," kata Dr Mahathir, merujuk pada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang turut hadir di persidangan berita itu. Bagaimanapun, Anwar enggan membuat ulasan lanjut.

Malam tadi, Dr Mahathir berkata berspekulasi di pasaran saham tempatan ada baiknya tetapi kalau terlalu berlebihan akan memudaratkan.

Misalnya, katanya beliau tidak nampak sebab mengapa harga pembukaan terbitan saham baru melebihi empat atau lima kali daripada harga tawarannya, terutamanya apabila syarikat-syarikat ini agak baru.

Berucap di majlis makan malam anjuran Persatuan Syarikat Pembrokeran Saham di Malaysia, beliau berkata pelabur-pelabur pasaran saham juga memberikan banyak kepercayaan kepada nasihat penganalisis-penganalisis tertentu.

Katanya apabila mereka meramalkan bahawa pasaran akan turun, para pelabur cenderung percayakan mereka dan mengambil keputusan menjual saham-saham mereka, dengan itu mengakibatkan harga-haga saham turun kerana ramalan yang itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apabila bank pusat menyatakan sesuatu, pasaran cenderung bertindak balas secara negatif.

Bank Negara, katanya, sebenarnya bermaksud baik dan mahu ekonomi terus berjalan baik.

"Ia tidak mahu melihat terlalu banyak wang dimasukkan ke dalam satu kumpulan," katanya merujuk kepada langkah baru-baru ini untuk mengadakan sekatan ke atas pemberian pinjaman kepada sektor saham dan harta. --

BERNAMA

AH SHY MA